

INFO@HEPA

# “STUDENT MALL” @ UniMAP



Demi memupuk sifat-sifat keusahawanan di kalangan mahasiswa UniMAP, cadangan pembinaan “Student Mall” adalah langkah yang terbaik. Oleh itu, peruntukan yang disalurkan oleh pihak MeCD dimana ianya akan memberikan ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk mempraktikan ilmu keusahawanan. Demi merealisasikan impian ini, tanggal 28 Mac 2008 telah bermulanya pembinaan bangunan “Student Mall” yang terbahagi kepada 2 lokasi yang berasingan iaitu di Kolej Kediaman Kg Wai, Kuala Perlis dan Kolej Kediaman Wang Ulu, Bintong Kangar. Terdapat 3 lot yang sedang dibina di Kolej Kediaman Kg Wai

dan 4 lot yang seterusnya akan dibina di Kolej Kediaman Wang Ulu, Bintong. Pembinaan yang dijangka siap pada penghujung Mei 2008 ini diharap dapat memulakan operasinya pada tahun ini juga. Premis perniagaan “Student Mall” yang bakal siap dibina tidak lama lagi ini, adalah akan disewakan kepada usahawan mahasiswa yang berkelayakan. Bagi bahagian yang terlibat secara langsung dalam pengurusan di UniMAP adalah Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Jabatan Pembangunan, Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan serta Jabatan Bendahari.